

# Pertubuhan Zakat Antarabangsa perlu diurus secara profesional – Abdullah

UM-29/11/2006  
KUALA LUMPUR 28 Nov. - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu Pertubuhan Zakat Antarabangsa diurus secara profesional dan telus apabila ia ditubuhkan nanti.

Menurut Perdana Menteri, langkah itu perlu bagi membolehkan badan itu meraih sokongan padu semua pihak sama ada negara-negara anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) mahupun negara bukan OIC yang mempunyai bilangan umat Islam yang ramai.

"Pertubuhan ini perlu beroperasi dengan telus bagi membolehkannya memperoleh kepercayaan dan keyakinan semua pihak.

"Dengan tindakan ini barulah ia boleh mendapat sokongan yang diperlukan dalam bentuk dana dari negara-negara, pertubuhan dan individu Islam yang kaya," katanya.

Abdullah berkata demikian pada Persidangan Antarabangsa Zakat 2006 di sini, hari ini.

Persidangan sehari itu diadakan bagi membolehkan negara-negara peserta berkongsi pengalaman dan idea dalam urusan mentadbir, mengumpul dan mengagihkan zakat.

Ia diadakan hasil cetusan idea Perdana Menteri sendiri. Disember lalu mengenai keperluan mewujudkan dana khas antarabangsa berasaskan pengumpulan zakat sebagai kaedah utama mengagihkan bantuan pembangunan kepada negara-negara anggota OIC yang mundur.

Idea itu diikuti persetujuan berupa penubuhan Pertubuhan Zakat Antarabangsa pada bulan Jun lalu bagi mengagih dan menyalurkan dana zakat dari negara-negara anggota yang lebih kaya kepada negara-negara yang memerlukan.

Perdana Menteri menegaskan, langkah seterusnya yang perlu diambil adalah mengumpul panel pakar bagi menyediakan asas pertubuhan itu.

"Adalah menjadi harapan saya agar panel pakar ini akan bertemu secepat mungkin bagi membuat cadangan mengenai struktur dana dan aspek teknikalnya.

"Perbincangan selanjutnya perlu dibuat sebelum pertubuhan ini dilancarkan dan kita boleh menentukan bagaimana ia akan bersekutu dengan OIC nanti," katanya.

Abdullah yakin penubuhan pertubuhan itu mampu direalisasikan dalam jangka masa pendek dengan kreativiti, inovasi dan sokongan teknologi maklumat dan komu-

nikasi (ICT).

"Jika diberi peluang, Malaysia bersedia memberikan sumber yang diperlukan bagi menghidupkan pertubuhan ini.

"Saya juga mahu menawarkan Kuala Lumpur sebagai ibu pejabat pertubuhan ini yang seterusnya akan mempunyai cawangan di negara-negara Islam lain," ujarnya.

Dalam hal ini, beliau mengingatkan semua pihak bahawa sokongan yang diperlukan tidak hanya dalam bentuk kewangan tetapi juga dalam bentuk idea, bahan dan sumbangan lain.

Abdullah turut menyuarakan pengharagannya kepada Pengerusi Dewan Perda-

gangan dan Perindustrian Islam (ICCI), Sheikh Salleh Abdullah Kamel yang telah menghuraikan konsep Pertubuhan Zakat Antarabangsa hari ini.

Majlis itu turut menyaksikan dua acara menandatangani memorandum persefahaman (MoU) diadakan bagi membuka jalan ke arah penubuhan Pertubuhan Zakat Antarabangsa.

Perjanjian pertama ditandatangani antara Malaysia yang diwakili Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Abdullah Md. Zin, Bank Pembangunan Islam (IDB) yang diwakili Naib Presidennya, Datuk Jaafar Aznan dan ICCI yang diwaki-

li Sheikh Salleh.

Memorandum persefahaman kedua pula melibatkan Perbadanan Pembangunan Industri Halal yang diwakili Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Jamil Jidin dan ICCI.

MoU itu bertujuan mewujudkan kerjasama dalam industri halal termasuk perkongsian penyelidikan dan maklumat bagi menggalakkan pertumbuhan negara-negara OIC, mewujudkan hubungan antara perbadanan dan agensi utama serta membuka rangkaian perdagangan.

Turut hadir pada majlis itu ialah Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar.